

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 30, 2015 12:35 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: ELIC II Beri Pendedahan Ilmu Kepimpinan, Tingkat Penguasaan Bahasa Inggeris Belia Thai



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

30 JULAI 2015 / 14 SYAWAL 1436H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

**ELIC II BERI PENDEDAHAN ILMU KEPIMPINAN, TINGKAT PENGUASAAN BAHASA INGGERIS
BELIA THAI**



UUM ONLINE: 30 Julai - Menyedari kepentingan bahasa Inggeris sebagai alat komunikasi pelbagai disiplin di seluruh dunia, Persatuan Mahasiswa Thai (TSA) Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil inisiatif menganjurkan Kem Bahasa Inggeris dan Kepimpinan Intensif 2 (English and Leadership Intensive Camp 2, ELIC 2) khusus untuk pelajar sekolah menengah Thailand.

Objektif kem tersebut adalah untuk meningkatkan kemampuan bahasa Inggeris belia Thailand di wilayah selatan selain menanamkan kemahiran kepimpinan serta mendedahkan peserta kepada persekitaran pembelajaran yang baharu.

Kem yang berlangsung dari 29 Julai hingga 2 Ogos itu dianjurkan dengan kerjasama Konsulat Diraja Thai, Pulau Pinang dan Persatuan Pelajar Antarabangsa (ISS) UUM melibatkan kira-kira 80 pelajar sekolah menengah Thailand.

Perasmian ELIC 2 disempurnakan oleh Konsul Jeneral, Konsulat Diraja Thai, Pulau Pinang, Ekajit Kraivichen di Dewan Pusat Penginapan Pelajar (SAC), semalam.

Turut hadir pada majlis perasmian, Timbalan Pengarah Pusat Bahasa UUM, Nasrol Hadi Ahmad Shukeri dan para pensyarah.

Menurut Pengarah Projek yang juga Presiden TSA, Malis Nokda secara umumnya dalam konteks negara Thailand, ramai yang takut dan tidak berminat untuk mempelajari bahasa Inggeris kerana beranggapan ianya sukar dan di luar kemampuan mereka.

"Justeru, sebagai pelajar Thailand di utara Malaysia, kami amat memandang serius perkara ini dan mahu berkongsi pengetahuan, idea, pengalaman dan peluang dalam apa jua cara asalkan ia dapat memberi inspirasi kepada mereka untuk mempelajari bahasa Inggeris."

Tambah Malis, untuk meningkatkan lagi program berkenaan ke tahap lebih tinggi berbanding program sebelum ini, kem berkenaan akan diadakan dalam bentuk kuliah, aktiviti latihan dan juga membawa pelajar antarabangsa dari pelbagai negara untuk berinteraksi dengan peserta kem dan juga sesi lawatan kampus.

"Menerusi pelbagai aktiviti yang akan dijalankan ini, ia pasti dapat memupuk semangat dan keberanian untuk mempelajari bahasa Inggeris dan juga menanam kemahiran kepimpinan kepada setiap peserta," ujarinya.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3040/3048/3049/3052
FAKS: 04-928 3053
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my
FACEBOOK: Universiti Utara Malaysia (Official FB)

